

**TERMA DAN SYARAT BAGI PERTANDINGAN
“MANA LAGI? MELAKA LER... *TIKTOK CHALLENGE*”**

1. Kategori Peserta adalah seperti berikut :
 - i. **Terbuka kepada Warganegara**
 - ii. **Terbuka kepada Antarabangsa**
 - iii. **Remaja berumur 15 - 18 tahun**

2. Peserta mesti mempunyai akaun TikTok yang sah dan mengikuti akaun TikTok berikut :
 - i. **YAB Ketua Menteri Melaka @Ab.raufyusoh**
 - ii. **Kerajaan Negeri Melaka @kerajaannegerimelaka**
 - iii. **Tourism Melaka @tourismmelaka**
 - iv. **Melaka Hari Ini @melakatv**

3. Pastikan video peserta disertakan dengan tanda pagar (#) berikut :
 - i. **#ManaLagiMelakaLerTikTokChallenge**
 - ii. **#VisitMelaka2024**
 - iii. **#MelakaUnseen**
 - iv. **#ExploreMelaka**

4. Tempoh pertandingan bermula pada 1 November 2024 hingga 15 Disember 2024.

5. Kandungan video :
 - i. Kandungan video TikTok yang menonjolkan dari segi mana-mana aspek pelancongan Melaka (Sejarah, Budaya, Rekreasi, Sukan, Beli Belah, Konvensyen, Kesihatan, Pendidikan, Agro, Makanan, Melaka My 2nd Home (MM2H), Pelancongan Eko, Pelancongan Agama dan Belia).
 - ii. Durasi video antara 30 hingga 60 saat
 - iii. Kandungan hendaklah hasil karya asli dari peserta.
 - iv. Menggunakan Bahasa Melayu, Inggeris, Cina atau Tamil : Bahasa Cina dan Tamil hendaklah disertakan dengan sarikata dalam Bahasa Melayu @ Inggeris)
 - v. Kandungan video mestilah tidak menyentuh sensitiviti agama, politik, perkauman dan bebas dari unsur lucah dan keganasan).

6. Penghantaran video adalah seperti berikut :
 - i. Muat naik di akaun TikTok peserta dan syarat seperti di terma 1 dan 3.
 - ii. Pastikan profil TikTok pada tetapan umum (*Public*) bagi sepanjang tempoh pertandingan.
 - iii. Mendaftar di pautan seperti berikut

7. E - Sijil hanya akan diberikan kepada peserta yang memenuhi syarat pertandingan .

8. Had penyertaan adalah seperti berikut :
- i. **Peserta boleh menghantar seberapa banyak video namun hanya layak untuk satu hadiah sahaja. Selain itu, setiap video akan dinilai secara berasingan.**
 - ii. **Dengan menyertai pertandingan ini, peserta memberi hak kepada Kerajaan Negeri Melaka untuk menggunakan, menghasilkan semula dan mempromosikan video yang dihantar untuk tujuan pemasaran dan promosi tanpa pampasan tambahan.**
 - iii. **Kerajaan Negeri Melaka berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana peserta yang gagal mematuhi peraturan pertandingan.**
9. Penjurian adalah berdasarkan kreativiti dan keaslian, kualiti visual dan penyuntingan, penceritaan yang berkaitan dengan Melaka dan Penglibatan (suka, kongsi dan komen di TikTok).
10. Penafian adalah seperti berikut :
- i. **Kerajaan Negeri Melaka tidak bertanggungjawab terhadap sebarang masalah teknikal atau masalah berkaitan *platform* yang mungkin menjejaskan penghantaran video atau tontonan.**
 - ii. **Penganjur berhak untuk mengubah terma dan syarat pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan sebelumnya.**